




MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

SEBUT HARGA KALI KEDUA BAGI CADANGAN KERJA-KERJA PENINGKATAN DAN PENAMBAHBAIKAN PADA SISTEM PENGHAWA DINGIN BERPUSAT SERTA SISTEM PUMP SOKONGAN DI TINGKAT 5, BANGUNAN IBU PEJABAT MARA, JALAN MARA, KUALA LUMPUR

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	BUTIRAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086 / 2021 / 64	GRED : G2 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN SELANGOR (DAERAH GOMBAK, PETALING & HULU LANGAT SAHAJA) KATEGORI : ME PENGKhususan : M01 & E04	Kontraktor DIWAJIBKAN untuk membuat pendaftaran secara atas talian dengan capaian pautan atau mengimbas QR kod seperti dibawah :  https://www.mara.gov.my/ppdtk-086-2021-64/ Tempoh Pendaftaran : 01/12/2021 (9.00 pagi) hingga 07/12/2021 (9.00 pagi) Keputusan kelayakan pendaftaran dan Nota Taklimat Sebutharga akan dimaklumkan secara e-mel kepada kontraktor pada 10/12/2021	13/12/2021 HINGGA 20/12/2021 (8.30 pagi hingga 4.30 petang) Hanya kontraktor yang telah mendapat e-mel pemakluman kelayakan pendaftaran dan Nota Taklimat Tender sahaja dibenarkan untuk hadir membeli dokumen di Tingkat 2, Kaunter Tender BAP, Ibu Pejabat MARA	RM5.00	27/12/2021 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)

**** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA SESI PEMBELIAN DOKUMEN TAWARAN SILA PATUHI SOP PPN YANG TELAH DITETAPKAN DARI MASA KE MASA**

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR oleh CIDB (PPK)
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN oleh CIDB (SPKK)
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi pendaftaran dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

3. Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara BANK DRAF / WANG POS / KIRIMAN WANG atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA). Wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen Sebut Harga bagi setiap Sebut Harga dan mengemukakan satu (1) tawaran Sebut Harga sahaja.
4. Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang) / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - Hari Khamis / (8.30 pagi hingga 12.15 tengahari) / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat sepanjang Pelan Pemulihan Negara (PPN) di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.

5. Kontraktor yang berminat **DIWAJIBKAN** untuk mendaftar secara atas talian seperti butiran di atas. Hanya Kontraktor yang telah mendapat pengesahan secara e-mel sahaja dibenarkan untuk hadir membeli dokumen Sebut Harga. Kontraktor perlu hadir untuk membeli dokumen mengikut tarikh dan masa seperti butiran di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA sahaja yang dibenarkan untuk membeli dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA / CIDB untuk pengesahan.

6. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.

7. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR

Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari

9. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
10. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul **12.00 tengah hari** sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
11. Pembelian Dokumen dan penghantaran sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.